

CNS7460

R GB 03-04 00249 BH517

bah

MANDELA MAHU MAHATHIR SAKSI UPACARA ANGKAT SUMPAH PRESIDEN
Daripada Ahmad Fuad Yahya

CAPE TOWN (Afrika Selatan), 3 April (Bernama) -- Pemimpin Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) Dr Nelson Mandela berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyaksikan upacara mengangkat sumpah jawatan presiden sekiranya ANC dapat menubuhkan kerajaan di Afrika Selatan selepas pilihan raya pertama semua kaum pada 26 sehingga 28 April ini.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, Mandela sangat-sangat berharap Dr Mahathir akan menghadiri upacara itu, yang diadualkan pada 10 Mei, jika beliau menjadi Presiden Afrika Selatan.

"ANC amat terutang budi kepada Dr Mahathir dan kerajaan Malaysia di atas pertolongan dan bantuan yang diberikan kepada parti itu selama ini semasa ia dalam kempen pilihan raya," katanya kepada Bernama selepas mengunjungi hormat Mandela di bilik penginapannya di sebuah hotel di sini malam tadi.

Najib berkata, dalam kunjungan singkat itu, presiden ANC itu telah menyatakan penghargaannya yang tinggi kepada Dr Mahathir atas segala bantuan kepada parti berkenaan dan beliau (Najib) diminta menyampaikannya kepada Dr Mahathir apabila pulang ke tanah air nanti.

"Kami juga berbincang daripada segi gambaran keadaan pilihan raya Afrika Selatan yang menampakkan kemungkinan besar ANC akan dapat menubuhkan kerajaan dengan tabah majoriti yang agak baik," katanya.

Mandela turut berterima kasih kepada Najib atas sokongan yang diberikan kepada ANC sewaktu beliau berucap merasmikan perayaan memperingati 300 tahun Sheikh Yusuf dan Islam bertapak di Afrika Selatan, katanya. --
Bernama

APY AKD